

13/04/1997

Guna konsep 'Kita Boleh': KM

Misiah Taib

KUCHING: Masyarakat Bumiputera di negeri ini perlu menjadikan konsep 'Kita Boleh' yang dilaung-laungkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai kata kunci bagi membangunkan diri masing-masing.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata konsep yang sentiasa memandang ke hadapan itu berlandaskan wawasan, keazaman dan keberanian.

"Ia juga menjadi salah satu unsur utama yang membawa kepada kejayaan pentadbiran negara oleh Dr Mahathir sendiri," katanya merasmikan Kongres Perpaduan Bumiputera, di Damai Lagoon, dekat sini, semalam.

Kongres itu dianjurkan bersama oleh Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Yayasan Budaya Melayu Sarawak (YBMS) dan Yayasan Budaya Dayak Sarawak (YBDS). Ia dihadiri kira-kira 600 peserta.

Menurut Taib, masyarakat Bumiputera di negeri ini perlu mengikis tanggapan sempit, mencurigakan dan takut kepada kaum lain.

"Ini semua adalah peninggalan zaman penjajah yang menyebabkan kita (Bumiputera) sentiasa berasa rendah diri.

"Kini kita perlu bangkit dan menyesuaikan diri dengan perubahan masa," katanya.

Beliau berkata, walaupun dalam beberapa tahun kebelakangan ini ramai Bumiputera berjaya sampai ke kemuncak dalam banyak bidang termasuk sektor korporat sehingga lahirnya ramai jutawan di negeri ini, namun jumlah secara keseluruhan masih kecil, berbanding kaum lain.

Taib turut mengkritik golongan yang memandang rendah kemampuan kaum sendiri sehingga mereka lebih suka menunggu bantuan kerajaan daripada berusaha sendiri untuk mencapai kejayaan.

Menyentuh mengenai perpaduan, beliau berkata negeri ini mampu mencapai pertumbuhan pesat sejak 15 tahun yang lalu kerana semua kaum di Sarawak sanggup memberi sokongan dan bekerjasama untuk matlamat bersama.

"Perpaduan penting untuk mencapai pembangunan dan kita perlu sedaya upaya mengekalkan perpaduan yang dikecapi sekarang dengan berpegang kepada prinsip bahawa kita semua adalah anak Sarawak dan rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, memang tidak dapat dinafikan banyak perubahan sudah berlaku di negeri ini, sambil memberi contoh, sebelum merdeka, kurang daripada 20 peratus penduduk di negeri ini menikmati hak tinggal di pusat bandar.

"Pada hari ini, jumlah itu sudah meningkat sehingga hampir 50 peratus dan ia akan terus bertambah. Kini kawasan bandar bukan sahaja didiami kaum Cina sahaja, malah semua kaum menikmati peluang sama," katanya.

Taib berkata, 15 tahun lalu, kadar kemiskinan di negeri ini ialah kira-kira 50 peratus dan hari ini kerajaan berjaya mengurangkannya sehingga kira-kira 20 peratus.

Beliau turut meminta pemilik tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di negeri ini agar membangunkan tanah mereka untuk tujuan pertanian komersil.

"Penduduk luar bandar perlu mengikis tanggapan bahawa kekayaan hanya dalam bentuk wang serta tanah semata-mata, sebaliknya mereka perlu menerima hakikat bahawa kekayaan juga ada dalam bentuk lain seperti saham.

"Kita perlu bersikap terbuka dan bergerak mengikut masa dengan membenarkan tanah kita dibangunkan," katanya.

Beliau percaya jika semua pemilik tanah NCR memberikan kerjasama kepada kerajaan, masalah kemiskinan di luar bandar negeri ini akan dapat diatasi

sepenuhnya tidak lama lagi.

(END)